

KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 18 Jun 2016 – Bersempena bulan Ramadan yang mulia ini, melakukan amal jariah dengan berkongsi nikmat bersama golongan yang kurang bernasib baik menjanjikan ganjaran yang berlipat kali ganda berbanding di bulan - bulan lain.

UDA Holdings Berhad (UDA) juga tidak melepaskan peluang untuk menunaikan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menganjurkan program ‘Indahnya Ramadan 2016’ anjuran bersama Masjid Jamek Saad Bin Abi Waqqas, Batu 4, Gombak. Penganjuran majlis seumpama ini diadakan setiap tahun mulai tiga tahun yang lepas. Pada tahun ini UDA telah memilih untuk menganjurkan majlis ini di kawasan Gombak.

Majlis ‘Indahnya Ramadan 2016’ ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato’ Dr. Mohd Shafei Abdullah, Pengerusi UDA dan juga merangkap Ketua UMNO Cawangan Wangsa Maju. Penganjuran majlis ini adalah inisiatif UDA bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadan serta berkongsi rezeki bersama mereka yang memerlukan. UDA telah memperuntukkan sebanyak RM100,000.00 wang zakat untuk disumbangkan kepada asnaf di kawasan Gombak. Pada majlis ini, seramai 500 orang asnaf yang lain menerima wang zakat berjumlah RM100.00 setiap seorang. Manakala 500 orang asnaf telah pun menerima wang zakat RM100.00 setiap seorang pada 17 Jun 2016 di Surau At–Taqwa, Taman Setapak. Pemberian sumbangan itu telah disempurnakan oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia sewaktu merasmikan surau berkenaan.

Selain daripada pemberian sumbangan zakat, Majlis ‘Indahnya Ramadan 2016’ ini turut dimeriahkan lagi dengan gotong – royong memasak 10 periuk bubur lambuk seawal jam 8.00 pagi. Bubur lambuk ini diedarkan kepada para penerima sumbangan, jemputan serta orang ramai yang berada berdekatan masjid.

Menurut YBhg Dato’ Dr Mohd Shafei Abdullah, “Amalan bersedekah ini juga mampu meningkatkan nilai – nilai murni dalam diri selain daripada meringankan beban mereka yang memerlukan. Amalan seperti ini juga dapat mengeratkan jalinan kemesraan di kalangan masyarakat tanpa mengira perbezaan.”

“Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang begitu komited dalam menjayakan Majlis Indahnya Ramadan 2016, iaitu UDA Holdings Berhad dan Masjid Jamek Saad Bin Abi Waqqas. Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan yang mulia ini dan Selamat Hari Raya Aidilfitri” tambah beliau lagi.

Bagi menambahkan keberkatan pada majlis tersebut dan sebagai santapan kerohanian, satu tazkirah Ramadan telah disampaikan oleh Ustaz Mujahid Bin Salleh Sani yang bertajuk “Ramadan Bulan Al Quran”.

Usai saja upacara pemberian wang zakat kepada 500 orang golongan asnaf, majlis diteruskan lagi dengan persembahan qasidah oleh para pelajar Tahfiz Darul Furqan dengan dendangan menyentuh kalbu, nasyid puji-pujian ke atas Yang Maha Esa.

Majlis yang berlangsung dengan meriah ini telah diakhiri dengan solat isyak serta solat sunat tarawih secara berjemaah dan seterusnya jamuan moreh bersama jemaah yang hadir.

Turut hadir menyerikan lagi majlis ini ialah isteri Pengerusi UDA, YBhg Datin Rozita Awang Ngah; Yang Berbahagia Datuk Ahmad Abu Bakar, Pengarah Urusan Kumpulan UDA; YBhg Dato’ Julainie Mohd Salleh, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan UDA; Tuan Haji Abdul Razak Bin Alias, Pengerusi Masjid Jamek Saad Bin Abi Waqqas; ASP Nee Bee Seng, Ketua Polis Balai Setapak dan barisan Pengurusan Kanan UDA.

-tamat-

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset yang mampan dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari www.uda.com.my

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Puan Radziah Mohamed Fadzil

Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Tingkat 6
Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03- 2730 8595 samb. 8595
Fax : 03- 2731 2855
Email : radziah@udanet.com
H/P : 017-337 7630

Nor Akmalia Husaini @ Intan

Komunikasi Korporat
UDA Holdings Berhad
Blok Menara, Tingkat 6
Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur
Tel : 03-2730 8500 samb. 8011
Fax : 03-2731 2855
Email : akmalia@udanet.com
H/P : 012-7101102